

***KAJIAN TERHADAP KEBERKESANAN SISTEM
PENTADBIRAN DAN PERLAKSANAAN TUGAS-
TUGAS POLIS TRAFIK CAWANGAN TAMPIN***

DISEDIAKAN UNTUK:

ENCIK MAHENDRAN
PENSYARAH PENYELIA
LATIHAN PRAKTIKAL
(PAD 340)
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN OLEH:

ADI AZAM BIN ABD WAHAB
96799216
AHMAD FAKHZAN BIN AHMAD BAHARUL ULUM
96457204
MEOR ZAMHARIL BIN SAMSUDIN
96712737
MOHD FAIZAL BIN YUNUS
96666103
MOHD HAMDAN BIN YUNUS
96528899
ZAHERUDDIN BIN MAT HASHIM
96222246

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

SESSI DISEMBER-APRIL 1999

Isi Kandungan

Tajuk	Muka surat
Perhargaan	i
Secalit Tinta Seungkap Kata	ii
Rangka Kertas Kerja	iii-iv
Bab 1	
1.0 Pendahuluan/ Pengenalan	1-6
1.1 Pengenalan kepada polis trafik	
1.2 Rasional kajian	
1.3 Objektif kajian	
1.4 Methodologi kajian	
1.5 Pemerhatian	
1.6 Skop kajian	
Bab 2	
2.0 Ulasan Kajian Kepustakaan	7-8
Bab 3	
3.0 Permasalahan	9-33
3.1 Masalah Utama	
3.2 Masalah Sampingan	
3.3 Analisa Responden	
Bab 4	
4.0 Cadangan kepada Penyelesaian Masalah	34-37
Bab 5	
5.0 Kesimpulan	38-40
Lampiran	
Bibliografi	

Penghargaan

Segala puji-pujian dan syukur terhadap Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kami menyiapkan kertas projek ini. Dalam proses bagi kami menyediakan laporan kertas kerja ini terdapat pelbagai halangan yang terpaksa kami hadapi . Kami dibimbing, diajar serta dinasihati oleh mereka yang tidak pernah kenal erti jemu dalam membimbing serta mendidik kami.

Oleh itu, di sini kami ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan yang tidak terhingga kepada penyelia kami iaitu Encik N. Mahendran yang telah banyak memberi kami dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar sehinggalah hasrat kami untuk menyiapkan kertas kerja ini tercapai.

Kami juga ingin megucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada Jabatan Polis Trafik Cawangan Tampin terutamanya kepada En. Hanafiah dan En. Sidek kerana kerjasama yang diberikan kepada kami bagi mendapatkan maklumat-maklumat kajian ini. Segala jasa baik yang dicurahkan sepanjang sesi temuramah adalah begitu bernilai bukan sahaja untuk kami tetapi kepada semua yang membaca kajian ini terutamanya orang awam.

Juga tidak dilupakan kepada ahli keluarga dan rakan taulan yang menyokong kami dan kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kertas kerja ini.

Secalit tinta Seungkap kata

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya maka kami akhirnya berjanji menyiapkan kertas projek ini tepat pada masanya. Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai masalah, kami cuba cekalkan hati kami untuk mengatasinya.

Di sini, kami ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat di dalam usaha-usaha kami untuk menyiapkan kertas projek ini. Tanpa bantuan serta kerjasama anda semua, tidak mungkin kami dapat menyiapkan kertas projek ini tepat pada masanya.

Harapan kami agar kertas kerja ini sedikit sebanyak dapat menjadi garis panduan dan sumber rujukan kepada mana-mana pihak yang ingin mengetahui perjalanan pentadbiran serta pelaksanaan tugas-tugas Polis Trafik khususnya cawangan Tampin beserta masalah-masalah yang wujud serta langkah-langkah mengatasinya.

Semoga segala kekurangan dalam penghasilan kertas projek ini mendapat maklum balas yang sewajarnya agar ia dapat diperbaiki di masa-masa akan datang. Insyallah.

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan kepada Polis Trafik Cawangan Tampin

Pasukan polis yang wujud di setiap negara adalah kerana adanya kehendak dan keperluan masyarakat untuk menegakkan keamanan serta ketenteraman di dalam negara. Justeru itu, pasukan polis memainkan peranan penting dalam penguatkuasaan undang-undang demi memastikan kesejahteraan keseluruhannya. Melihat dalam konteks yang lebih luas, pasukan polis sebenarnya memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara di samping menjalankan tanggungjawab dalam aspek keselamatan. Unit Polis Trafik merupakan salah satu daripada cabang pasukan *Polis Di Raja Malaysia*.

Pada mulanya ia dikenali sebagai Polis Cawangan Lalulintas sebelum ditukar nama kepada Polis Trafik pada tahun 1993. Unit Polis Trafik terletak dibawah pemerhatian Kementerian Dalam Negeri (KDN). Bidangkuasa polis trafik secara umumnya tidak hanya mengendalikan kes-kes kemalangan jalanraya dan mengawal laulintas, tetapi ia turut mempunyai bidang tugas yang sama seperti anggota polis yang lain seperti menangkap penjenayah atau orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Perlaksanaan tugas Unit Polis Trafik termaktub di bawah Akta Polis 1967:

Sekyen 20

Mengenai tugas-tugas am polis seperti menalakan penyiasatan, risikan, dakwaan, mengekalkan ketenteraman awam, menyelamatkan nyawa, menangkap semua orang yang disyaki dan lain-lain.

Sekyen 21